



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN GOLF

#### 1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia

#### 2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Golf Antarabangsa (IGF) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

#### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

##### 5.1 Pertandingan Individu/Berpasukan

KATEGORI	PEMAIN	PEGAWAI
Individu	4	1
Pasukan	4	
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>1</b>

- 1.1 **Borang Pendaftaran Pasukan** yang telah disahkan hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** ke Seksyen Pengelolaan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.
- 5.2 Pemain hendaklah mendaftar di meja pendaftaran 30 minit sebelum setiap perlawanan bermula **(tee off)**.
- 5.3 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran pasukan sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.
- 5.4 Tidak dibenarkan membuat pertukaran pemain selepas perlawanan dimulakan.

## **6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

- 7.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.
- 7.2 Menggunakan pakaian yang sesuai dan sopan serta berkasut.
- 7.3 Peralatan golf (*golf set*) tidak disediakan dan ia adalah tanggungjawab pasukan/gabungan masing-masing.
- 7.4 Bola golf tidak di sediakan.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 8.1 Acara di jalankan adalah dengan menghabiskan **18 Lubang** secara individu & berpasukan.
- 8.2 Setiap gabungan boleh mendaftar minimum seorang pemain dan maximum 9 pemain bagi kategori individu.
- 8.3 Manakala kategori berpasukan akan dikira 4 markah individu

tertinggi yang terdiri daripada 9 orang pemain individu tadi.

- 8.4 Sekiranya satu-satu pasukan tidak mencukupi bilangan pemain bagi 4 orang, maka pasukan tersebut adalah tidak layak untuk bertanding bagi kategori berpasukan. Dan hanya layak bertanding dalam kategori individu sahaja.
- 8.5 Markah bagi kategori berpasukan akan dikira iaitu maksimum seorang pemain UPM sahaja dibenarkan dalam skor berpasukan. Sekiranya terdapat lebih daripada seorang pemain dalam satu pasukan, skor pemain UPM yang tertinggi akan diambil kira untuk kategori berpasukan. Semua pemain bagi satu-satu pasukan **tidak akan** ditempatkan di dalam **kumpulan atau flight** yang sama bagi mengelakkan keraguan dan mengutamakan aspek '*fair game*'.
- 8.6 Semua pemain hendaklah menghabiskan kesemua 18 lubang.
- 8.7 Format pertandingan yang digunakan adalah Sistem **36 Stableford (Handicap of The Day)**.

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

- 9.1 Pemenang bagi kategori individu akan dikira mengikut medal A, B dan C. OCB adalah mengikut handicap terendah.
- 9.2 Kedudukan (*ranking*) pasukan dikira berdasarkan kutipan mata tertinggi yang dikumpul oleh 4 orang pemain di dalam pasukan yang sama.

## **10.0 KELEWATAN**

Hanya **10 minit** sahaja akan diberi kepada pemain yang lewat mendaftar dari masa yang telah ditetapkan. Selepas dari tempoh itu, pemain tersebut dianggap menarik diri. Sekiranya pasukan tersebut tidak mencukupi bilangan pemain, perkara **8.2** akan digunakan.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia .

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

**13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

**14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

**15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.